

ISLAMICHERITAGE
LEADS THE TRANSFORMATION OF THE UMMAH

ISLAMIC HERITAGE
LEADS THE TRANSFORMATION OF THE UMMAH

Editors

Hasan Bahrom
S. Salahudin Suyurno
Abdul Qayyum Abdul Razak

© Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Melaka 2015

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada ACIS, UiTM Melaka terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hasan Bahrom

Proceedings of the 1st international Islamic heritage conference / Hasan

Bahrom, S.Salahudin Suyurno, Abdul Qayuum Abdul Razak

978-967-0637-13-6

1. Islamic Heritage 2. Civilization I. Hasan Bahrom

II. S.Salahudin Suyurno III. Abdul Qayuum Abdul Razak

Reka bentuk kulit : Mohd Zaid bin Mustafar

Dicetak di Malaysia oleh :

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS),

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELAKA,

KM 26 JALAN LENDU,

78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia

Tel: +606 558 2058

CONTENTS

PRAKATA	i
KATA ALUAN REKTOR UITM MELAKA	ii

ARTS

A DOCUMENT OF IBÂDI JURISPRUDENCE RELATED TO THE ARCHITECTURE OF MOSQUES Benkari Naima	1
RE-THINKING THE DEPICTIONS OF TWO-DIMENSIONAL ‘LIVING BEINGS’ IN CONTEMPORARY ISLAMIC ART Lina Kattan	15
REVIVING THE CLASSICAL ISLAMIC ARCHITECTURAL DESIGNS OF MOSQUE IN TIN MINING AREA: KINTA VALLEY, PERAK, MALAYSIA Wan Noor Anira Hj Wan Ali @ Yaacob, Norasikin Hassan, Khalilah Hassan & Ameri Mohd Sarip @ Shariff	25
TOWARDS A CONCEPTUAL FRAMEWORK OF ANIMATED INFOGRAPHICS IN AN ISLAMIC CONTEXT Nur Nazihah Rahim, Nik Zulkarnaen Khidzir, Anuar Mohd Yusof & Khairul Azhar Mat Daud	38
QUR’AN AND SPLENDOR OF ISLAMIC CALLIGRAPHY: DEVELOPMENT OF IRANIAN CALLIGRAPHY UNDER INFLUENCE OF QUR’AN TRANSCRIBING Mahdi Sahragard	49
PLANT AND LANDSCAPE DESIGN: REFLECTION FROM THE QURAN AND HADITH Khalilah Hassan, Nur Huzeima Mohd Hussain, Norizan Mt Akhir & Mazlah Yaacob	60
SUSTAINABLE AND DIVERSE ISLAMIC ART: A SOCIAL AND CULTURAL EXPERIMENT IN AUSTRALIA Abdul Attamimi & Majdi Faleh	70
KUFI LARI’: THE HYBRID OF KHAT KUFI TO UPHOLD THE MALAYS’ IDENTITY IN DIGITAL ART APPLICATION Mohd Amin bin Mohd Noh, Mohd Fauzi bin Harun, Nik Narimah bt Nik Abdullah, Zaharah bt Hj. Ramli & Nor Fariza bt Baharuddin	81

KONSEP SENI DALAM ISLAM: SATU SOROTAN	89
Nor Adina Abdul Kadir, Nang Naemah Md Dahlan, Mohd Farhan Abd Rahman & Norsaeidah Jamaludin	

GENDER

CANNING CHILDREN: ABUSE OR EDUCATE?	101
Ekmil Krisnawati Erlen Joni & Salmiah Salleh	
THE WISDOM OF POLYGAMY IN ISLAM: THE LAW AND CUSTOMARY PRACTICE IN AFGHANISTAN	114
Hekmatullah Muradi & Nasir Ahmad Yousefi	
PERBEZAAN TANGGUNGJAWAB PERIBADI PELAJAR DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)	125
Siti Marhamah binti Kamarul Arifain, Atini Alias, Farrah Wahida Mustafar & Faudziah Yusof	

CULTURE

VOLUNTEER TOURISM FOR MUSLIM COMMUNITY DEVELOPMENT: APPLYING SOCIAL EXCHANGE THEORY FOR CROSS CULTURE BENEFITS	133
Nik Rozilaini binti Wan Mohamed, Ahmad Rozelan bin Yunus, Mohd Hasrul Yushairi bin Johari & Mashita binti Abdul Jabar	
مكتبة آشوربانيبال تراث إنساني فريد	140
وان كمال موجاني & سميرة ميلاد عامر	

POLITIC

النظام الجنائي الاسلامي هو الحل للأمن في العالم	148
سعدى حيدرة	
العلاقات الدبلوماسية الاسلامية في الاندلس مع الممالك الاوروبية، دراسة و تحقيق	158
طارق عبد السلام & عصام ميلود المخرات	

حق الدولة المسلمة في امتلاك الأسلحة الحربية وضروة انتاجها وليس استيرادها نور العارفة بنت محمد & ثعيم حنك	165
---	-----

EDUCATION

دور الثورة التعليمية والثقافية في تطوير الأمة المسلمة في منطقة مليبار، كيرلا الهند على أكبر كي وي	175
ISLAM AND EDUCATION Nasiruddin Mizy	182
ISLAM AND HIGHER EDUCATION: THE ROLE OF ISLAMIC-BASED UNIVERSITIES IN URBAN DEVELOPMENT Nur Rafidah Asyikin binti Idris	190
LEARNING ORAL PRESENTATION IN A COLLABORATIVE ENVIRONMENT IN TERTIARY CLASSROOMS: ISLAMIC PERSPECTIVES Juritah Misman & Mardziah Hayati Abdullah	201
PENDIDIKAN ISLAM DENGAN AKHLAK MORAL PELAJAR: SOROTAN FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM Siti Noorbiah Md Rejab, Najahudin Lateh, Hanifah Musa Fathullah Harun, Nur Zahidah Jaafar & Nur Hidayah Zainal	213
FAKTOR AGAMA SEBAGAI FAKTOR UTAMA MENGUBAH TINGKAH LAKU SEORANG BANDUAN Ahmad Zaidi Johari, Mohd Izam Ghazali & Alis Puteh	222

HISTORY

PARADIGMA ILMU KITAB JAWI DI ALAM MELAYU: SATU PENGENALAN Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ahmad Farid Abdul Jalal, Badlihisyam Mohd Nasir, Wan Zailan Kamarudin Wan Ali, Abdul Halim Ismail, Nor Adina Abdul Kadir & Zurina binti Mohamed Noor	226
ANALISIS KEBANGKITAN VOLGA BULGARIA 922M Harliana Halim, Kamaruzaman Yusoff, Mohd Faizal Khir & Shakila Ahmad	236

LAKSAMANA PĪRĪ REIS DAN SUMBANGANNYA KEPADA KARTOGRAFI DAWLAH C ^U THMĀNIYYAH Ahmad Sobrie Haji Ab Rahman & Roziah Sidik @ Mat Sidek	247
--	-----

SOCIETY

نظرية الطلاق في الإسلام: دراسة مقارنة مع اليهودية والنصرانية عثمان بن إبراهيم عُرْعُدُو	259
A QUALITATIVE STUDY ON WIFE ABUSE IN MUSLIM FAMILIES: WHY WOMEN ENDURE? Mariny Abdul Ghani, Noor Azizah Ahmad & Azizul Mohamad	278
HIMA AS A MODEL FOR NEIGHBOURHOOD OPEN SPACE PLANNING Khalilah Hassan, Siti Syamimi Omar & Izrahayu Che Hashim	290
حكم تارك الصلاة طارق حميش	301
ASPEK-ASPEK TIDAK PATUH SYARIAH DALAM AMALAN JAMPI DI MALAYSIA Juriah Mohd Amin, PM Dr Huzaimah Ismail & PM Supani Husain	307
LELAKI BERPAKAIAN SEPERTI PEREMPUAN: ANTARA <i>GENDER IDENTITY</i> <i>DISODER</i> , UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN PERLEMBAGAAN MALAYSIA Yuhanza binti Othman, Ida Rahayu binti Mahat, Mimi Sofiah Ahmad Mustafa & Marziana Abd Malib	316
GEJALA SOSIAL DI MALAYSIA: PENDEKATAN ISLAM DAN PERANAN PEMIMPIN DALAM USAHA PENCEGAHAN Rajwani Md. Zain, Khairullah Mokhtar & Mushaddad Hasbullah	328
PEMAHAMAN SERTA PENGAMALAN MAKANAN SUNNAH DAN SUNNAH PEMAKANAN WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG Siti Fairuz Sujak, Noor Syahida Md Soh, Azizah Md. Kasah, Siti Zaleha Syafiee, Noraishah P. Othman, Rohaya Sulaiman, Nor Fazlin Uteh & Zuliana Zoolkefli	335

SCIENCE AND TECHNOLOGY

- HARM REDUCTION IN CARTILAGE TISSUE ENGINEERING EXPERIMENTATION: A COMPARATIVE REVIEW BETWEEN ISLAMIC AND CONVENTIONAL ETHICS 346
Muhammad Aa'zamuddin Ahmad Radzi, Abdurezak Abdulahi Hashi, Zainul Ibrahim Zainuddin, Rozlin Abdul Rahman, Norhamiza Mohamad Sukri, Mohd Yusof Mohamad, Noorhidayah Md Nazir, Wan Ahmad Dzulkarnain Razali & Munirah Sha'ban
- THE IMPACT OF SCIENCE AND TECHNOLOGY TOWARDS RURAL COMMUNITY IN UNDERSTANDING ISLAM 359
Abdul Hapes bin Mohammed & Nurul Diana bt Mohamed Iqbal
- KERANGKA TEORI E-WASIASAT 366
Zainal Fikri Zamzuri, Noormala Rabu, Abdullah Hj Said & Mohd Fauzi Md Isa
- KAJIAN TINJAUAN LITERATUR TERHADAP APLIKASI MUDAH ALIH BERUNSURKAN ISLAM "ISLAMIC MOBILE APPS" 373
Ronizam Ismail, Shahrul Niza Samsudin, Wahid Ab Sulaiman, Norzaimah Zainol & Dina Syafini Zaid

ECONOMICS

- المضاربة الشرعية البديل الإسلامي للفائدة الربوية 388
عبدالله بن عمر بلعيدي
- AWARENESS OF CASH WAQF AMONG THE MALAYSIAN MUSLIMS 409
Wan Musyirah binti Wan Ismail, To' Puan Prof Dr Rokiah binti Embong, Nur Hayati binti Abd Rahman, Noor Rafhati binti Romaiha & Nur Hazwani binti Mohamad Roseli
- DELIVERING CONVENIENT SERVICE AND BETTER ZAKAT DISTRIBUTION MANAGEMENT THROUGH UITM PULAU PINANG eZAKAT SYSTEM 421
Naemah Abdul Wahab, Saiful Nizam Warris, Jamal Othman & Muhammad Che Saad
- KEUSAHAWANAN TANI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM 432
Noorfazreen Mohd Aris, Sharipah Amirah Hj Abas, Sarah Dina Mohd Adnan, Mariam Farhana Md Nasir & Hamidah Jalani

FINANCE

- A STUDY OF THE ATTRACTIVENESS ON ISLAMIC PAWNBROKING AT AR-RAHNU MAIDAM KUALA TERENGGANU 443
Najdah bt Abd Aziz, Syahrul Hezrin bin Mahmud, Nurul Syazwani binti Ahmad, Adida binti Muhammad, Asmawati@Fatin Najihah bt. Alias & Rubiah Abu Bakar
- EXAMINING THE DIFFERENCES BETWEEN AR RAHNU AND CONVENTIONAL PAWN BROKING IN COMPATIBILITY TOWARDS MAQASID SHARIAH 455
Salbiah Nur Shahrul Azmi, Nazimah Hussin & Rohaida Basiruddin
- THE MAIN FACTORS THAT INFLUENCE THE PUBLIC TO PURSUE ISLAMIC PAWN BROKING (AR-RAHNU) COMPARE TO THE CONVENTIONAL PAWN BROKING IN KUALA TERENGGANU 467
Rubiah Abu Bakar, Najdah bt Abd Aziz, Syahrul Hezrin bin Mahmud, Norliyana binti Zulkifli Mohd, Adida binti Muhammad & Asmawati@Fatin Najihah bt. Alias
- THE AWARENESS OF EFFECTIVE FINANCIAL PLANNING AMONG THE STUDENTS OF FACULTY OF BUSINESS AND MANAGEMENT UITM MELAKA CITY CAMPUS 476
Mohd Sufian bin Ab Kadir, Mohd Fuad bin Othman, Nur Izzati binti Abas, Saloma binti Mohd Yusoff, Maymunah Ismail, Sharina Shariff
- PANDANGAN FUQAHA MALIKI TERHADAP JUALBELI SUKUK PADA ZAMAN MARWAN AL-HAKAM: SATU ANALISIS RINGKAS 501
Mohd Asyadi Redzuan, Mohd Farhan Ahmad, Siti Noor Ain Aziz & Shahidatul Ashikin Shahrhan
- PENILAIAN KESAHAN INSTRUMEN PELABURAN EMAS PATUH SYARIAH (IPEPS) DENGAN MENGGUNAKAN MODEL PENGUKURAN RASCH 506
Najahudin Lateh, Ghafarullahuddin Din, Muhammad Rahimi Osman, Ezani Yaakob & Salmi Edawati Yaacob

PHILANTHROPY

- DANA KHAIRAT: PENGALAMAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI 515
Hasan Bahrom & Rawi Nordin

PHILOSOPHY

THE SIGNIFICANCE OF RELIGIOUS KEY TERMS AND THEIR NEW MEANINGS IN AL-FARUQI'S AL-TAWHID: ITS IMPLICATIONS FOR THOUGHT AND LIFE 520
Fadzilah Din

LEGASI MAZHAB SYAFI'I DI MALAYSIA: ANTARA KEKANGAN TRADISIONALISME DAN TUNTUTAN LIBERALISME 526
Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Anuar Ramli, Mohd Farhan Md. Ariffin & Syamsul Azizul Marinsah

KAJIAN PEMIKIRAN BADIUZZAMAN SAID NURSI TERHADAP KENABIAN BERDASARKAN KITAB RASAIL AN-NUR 535
Muaz bin Hj. Mohd Noor, Faizuri bin Abdul Latif, Mohd Zaid bin Mustafar, Mohd Khairul Nizam bin Mohd Aziz, Muhammad Taufik Md Sharipp, Mohd Norazri bin Mohamad Zaini & Mohd Paidi bin Noman

PANDANGAN HAMKA TERHADAP AYAT-AYAT EMBRIOLOGI DALAM TAFSIR AL-AZHAR 547
Wan Helmy Shahrman Wan Ahmad, Sharifah Norshah bani bt Syed Bidin & Kamarul Shukri bin Mat Teh

KAJIAN *TURATHIY* DAN '*ILMIY* TERHADAP BUAH-BUAHAN DAN HERBA YANG DISEBUT DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH 556
Mohd Asmadi Yakob, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Monika @ Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad, Nurulwahidah Fauzi, Khalijah Awang, Rozana Othman & Mohd Rais Mustafa

LANGUAGE AND COMMUNICATION

MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM TERKINI PEMBENTUKAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR 571
Aina Sabariah Md. Isa & Huzaimah Hj Ismail

FAMILY COMMUNICATION MANAGEMENT FROM MUSLIM ADOLESCENT PERSPECTIVE 581
Azyiah binti Abu Bakar

KEBERKESANAN DAKWAH MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT ISLAM 593
A.Rauf Ridzuan, S. Salahudin Suyurno, Rusydi Kamal, Fakrulnizam Jafri, Dzaa Imma Abd Latif & Siti Nurshahidah Sah Alam

فوائد وسائل الإعلام الحديثة وأضرارها على الإسلام والمسلمين: الإنترنت نموذجًا	600
محمد الأمين محمد سيلا	
THE ROLE OF PARENTAL COMMUNICATION IN DEVELOPING MUSLIM PERSONALITY: AN OVERVIEW OF PARENTAL ACCEPTANCE-REJECTION THEORY	606
Aini Faezah Ramlan, S. Salahudin Suyurno, Muhammad Shafiei Ayub, Rosilawati Sultan Mohideen & Norazlinda Hj Mohammad	
PERANAN LAMAN JARINGAN SOSIAL DALAM MENGUKUHKAN UKHWAH KEKELUARGAAN	614
Rosilawati Sultan Mohideen, Abdul Rauf Ridzuan, Aini Faezah Ramlan, Fakhruhnizam Jafri & Faridah Hanem Ab. Rashid	
KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PERPADUAN UMMAH DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA	620
Afiqah Mior Kamarulbaid, Abd Rauf Ridzuan, Siti Nur Fadzilah Abdullah, Efina Hamdan & Mohd Hilmi Bakar	
PENCARIAN TEMAN HIDUP BERLANDASKAN ISLAM MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL	627
Fakrulnizam Jafri, Abdul Rauf Ridzuan, Rusydi Mohamad Kamal, Rosilawati Sultan Mohideen & Nur Alyani Mohd Shukri	
AN ADVERTISING MEDIA: THE RELATIONSHIP OF ADVERTISING MESSAGE, IMAGE AND LANGUAGE USAGE TOWARDS SENSITIVITY IN ISLAMIC PERSPECTIVE	636
Norazlinda Hj. Mohammad, Norida Abu Bakar, Nurliyana Kamilah Khairul Anuar, Siti Nur Fadzilah Abdullah, Aini Qamariah Mohd Yusof	
HIKMAH DALAM BERDAKWAH SEBAGAI MANHAJ RABBANIYYAH: SATU SOROTAN DEFINISI	645
S.Salahudin Suyurno, Mohammad Taufik Md Sharipp, Mohamad Shafiei Ayub, Muaz Mohd Noor, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz, Mohd Zaid Mustafar & Abdul Qayuum Abdul Razak	
PEMBIKINAN FILEM ISLAM DI MALAYSIA: PERJALANAN DAKWAH ATAU PELABURAN KOMERSIL	651
Shafezah Abdul Wahab, Siti Najah Raihan Sakrani & Prof Madya Dr Mohd Adnan Hashim	

MANAGEMENT

- THE EFFECTS OF SERVICE QUALITY TOWARDS CUSTOMER SATISFACTION OF ISLAMIC BANK IN KUANTAN PAHANG 659
Maz Izuan Mazalan, Faresya Zunaida Mohd Zubair & Rozman Mohd Yusof
- COMPATIBILITY OF PLANTS APPLICATION WITH ISLAMIC VALUES IN THE MALAY LANDSCAPE OF KOTA BHARU CITY 680
Nur Hafizah Ramle & Nik Ismail Azlan Rahman
- THE IMPLEMENTATION OF SHARIAH COMPLIANT HOTEL: A CASE STUDY OF PULAI SPRINGS RESORT BERHAD 688
Zuliana binti Zoolkefli, Nor Fazlin binti Uteh, Ruqaiyah binti Ab Rahim & Noor Syahida binti Md Soh
- A DETERMINANT MODEL FOR ISLAMIC MANAGEMENT 692
Azman Che Omar



Prakata

Sejarah warisan Islam telah memberikan impak yang cukup besar kepada perkembangan dunia hari ini. Ia bukan sahaja memberi sumbangan kepada aspek kerohanian malah turut menyumbang kepada aspek ekonomi, politik, pendidikan, sosial, kesenian, kebudayaan, sains dan teknologi. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa pentingnya ketamadunan ilmu kepada ketamadunan dunia. Perkara ini selaras dengan tuntutan al-Quran yang menyatakan dengan jelas bahawa Allah SWT memuji sesiapa yang berusaha menuntut ilmu dan juga bertaqwa kepadaNya. Namun sejak akhir-akhir ini, sumbangan hasil pensejarahan Islam sering dipandang sepi oleh generasi muda. Sejarah warisan Islam tidak lagi dijadikan panduan dan iktibar dalam melebarkan ketamadunan ilmu Islam. Mereka lebih tertumpu kepada ketamadunan Barat yang dikatakan ‘kaya’ dengan khazanah ilmu. Sedangkan kemajuan hari ini seharusnya berlandaskan kepada ketamadunan Islam.

Penelitian atau pengkajian mengenai warisan Islam perlu direncanakan sebagai ketamadunan dunia. Idea-idea baru mengenai sejarah warisan Islam perlu diketengahkan, Oleh yang demikian, menerusi *1st International Islamic Heritage Conference (IsHeC 2015)* dilihat akan dapat membantu kepada perkembangan produksi seterusnya menjana idea-idea baru khususnya untuk memperkayakan kajian dalam bidang sejarah warisan Islam kepada masyarakat. Dengan penganjuran seminar ini secara tidak langsung membantu untuk menjalinkan hubungan antara para sarjana dalam bidang sejarah warisan Islam. Ini adalah satu cabaran dan membuka peluang baru untuk membina satu perpaduan intelektual merentas sempadan dunia.

Buku ini merupakan kompilasi diskusi ilmu antara para ilmunan yang terlibat secara langsung dalam pembentangan kertas kerja mereka dalam *1st International Islamic Heritage Conference (IsHeC 2015)* daripada pelbagai platform ilmu Islam antaranya Kesenian, Ketamadunan, Komunikasi, Pendidikan, Kewangan, Sains dan Teknologi dan lain-lain lagi. Semoga curahan ilmu melalui penulisan ini mampu memberi sumbangan dalam menambah khazanah ilmu Islam kepada masyarakat.

Editor,

1st International Islamic Heritage Conference (IsHeC 2015),

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,

UiTM Melaka.

Kata Aluan Rektor UiTM Melaka

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Segala puji bagi Allah, Tuhan seru sekalian alam, dengan limpah kurniaNya serta keizinanNya, kejayaan penganjuran *1st International Islamic Heritage Conference 2015* yang berlangsung di Hotel Mahkota Melaka pada 11-12 November 2015, telah menghasilkan banyak kertas kerja yang amat bermutu. Justeru, buku ini mengumpulkan puluhan penulisan para ilmuan dan cendekiawan dari dalam dan luar negara untuk bacaan semua.

Pelbagai isu telah dikupas termasuklah perihal seni Islam, budaya, politik, gendar, pendidikan, sejarah, kemasyarakatan, sains dan teknologi, ekonomi, kewangan, falsafah, bahasa dan komunikasi, kedermawanan dan pengurusan. Pembaca juga akan mendapati buku ini memuatkan kajian-kajian yang komited melaksanakan usaha mengintegrasikan antara ilmu duniawi dan ukhrawi. Ini membuktikan kesegaran keilmuan tamadun Islam itu sendiri.

Semoga perkongsian ilmu ini dapat meningkatkan komitmen umat dalam memartabatkan perintah Ilahi dalam kehidupan duniawi sebagai jambatan ukhrawi. Sekaligus ia bakal memberi manfaat pada alam sejagat.

Pihak UiTM Melaka merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih atas segala sokongan dalam bentuk material, tenaga dan sebagainya dalam merialisasikan seminar ini. Buat semua penaja yang telah memberikan sumbangan kepada wacana ini, sekalung penghargaan diucapkan. Semoga seminar dwi tahunan ini akan terus diperkasakan demi mengangkat martabat umat melalui kecemerlangan tamadun Islam yang diakui telah terbukti diseluruh jagat.

Sekian, terima kasih. Wassalam

PROF. MADYA DR MOHD ADNAN BIN HASHIM

Rektor ,
UiTM Melaka.

MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM TERKINI PEMBENTUKAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR

Aina Sabariah Md. Isa
Huzaimah Hj Ismail

Abstrak

Aplikasi Web 2.0 yang telah diperkenalkan pada tahun 2003 telah menyemarakkan dunia teknologi maklumat dengan kemunculan media sosial seperti facebook, blog, twitter, youtube, instagram dan sebagainya. Sifat web 2.0 yang interaktif ini menjadikan proses penyaluran informasi menjadi mudah dan komunikasi menjadi pantas. Walaubagaimanapun terdapat pelbagai persepsi negatif yang dikatakan telah mempengaruhi pengguna media sosial terutamanya golongan pelajar khususnya dari sudut pembentukan akhlak. Artikel ini cuba melihat penggunaan media sosial dari kaca mata yang lebih positif, terutamanya peranannya sebagai medium teknologi terkini dalam pembentukan akhlak pelajar. Bagi mencapai objektif tersebut, artikel ini memaparkan analisa terhadap isi kandungan tiga media sosial popular iaitu facebook, blog dan youtube yang mengandungi maklumat berkaitan agama, pembangunan adab dan sahsiah. Dapatan kajian ini diharap dapat menyumbang ke arah peningkatan kualiti akhlak pelajar selaras dengan falsafah pendidikan islam iaitu membentuk diri dan mengasuh peribadi muslim berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

Kata kunci : Media Sosial, Medium Terkini, Pembentukan Akhlak, Pelajar.

Pendahuluan

Kewujudan dunia siber yang dipacu roda internet dan media sosialnya telah mencetuskan berbagai fenomena baru dalam kehidupan manusia masa kini samada dalam bidang politik, ekonomi mahupun sosial dan kebudayaan. Aplikasi Web 2.0 yang telah diperkenalkan pada tahun 2003 pula telah menyemarakkan lagi dunia teknologi maklumat dengan kemunculan media sosial seperti *facebook, blog, twitter, youtube, instagram* dan sebagainya. Sifat web 2.0 yang interaktif ini menjadikan proses penyaluran informasi menjadi mudah dan komunikasi menjadi pantas.

Fenomena ini dilihat secara tidak langsung sedang membuka dimensi baru untuk perkembangan peribadi dan akhlak muda mudi terutamanya pelajar. Ini kerana kepesatan jaringan media sosial hari ini dilihat berupaya menjadi agen perubahan tingkah laku sesebuah masyarakat khususnya golongan muda yang terdiri daripada pelajar dan remaja. Muhammad Kamil dan Rahimin (2009) menyatakan perubahan sebegini adalah selaras dengan teori Ibn khaldun yang menyebut masyarakat sebagai suatu organism yang bersifat hidup, mempunyai potensi untuk berubah dan berkembang maju seandainya perancangan pembangunan yang rapi dan tersusun dapat dilakukan. Tegasnya perubahan pola kehidupan sesebuah masyarakat sudah tentu akan turut memberi impak kepada perubahan nilai kehidupan dan tingkahlaku ahlinya.

Latar belakang

Terdapat berbagai persepsi negatif tentang penggunaan media sosial dalam kalangan remaja. Sebagai contoh dilaporkan terdapat 2.5 billion email yang dihantar setiap sehari adalah bahan lucah pornografi. Paling menyedihkan apabila negara tercinta Malaysia pula menduduki tempat kelapan didunia dalam pencarian bahan lucah diinternet (Harian Metro 24 ogos 2010). Kajian yang dilakukan oleh Dr Khaizil Ismail (UKM) merumuskan bahawa 60 peratus remaja berzina adalah disebabkan kerana menonton bahan lucah. Realiti yang berlaku di Malaysia pula menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis 90 peratus pelajar sekolah melayari laman web lucah tanpa sengaja (Kosmo 19 Ogos 2010). Kajian ini walaupun masih boleh diperbahaskan namun, asasnya ialah pembuangan bayi kerana zina dan kecenderungan berzina bermula dari perkara lucah.

Walau apapun persepsi dan dapatan yang tidak menggembirakan tentang media sosial dan pelajar ini, kita tidak dapat menafikan tentang adanya rangkaian elemen positif yang dapat digali menerusi media sosial. Antaranya ialah kemampuan media sosial ini menyemai nilai-nilai murni dan akhlak dalam kalangan pelajar. Justeru, penggunaannya bagi tujuan pembentukan akhlak generasi pelajar merupakan salah satu aspek perancangan tersusun bagi membina masyarakat mulia. Ini kerana seluruh dimensi kehidupan manusia tidak boleh terpisah dari elemen akhlak. Akhlak berfungsi sebagai pemangkin tatacara pembangunan hidup manusia yang teratur. Akhlak merupakan intipati mesej Ilahi, sehinggakan tujuan utama Rasulullah diutus adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia sebagaimana dalam sabda baginda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: **“*Sesungguhnya aku telah diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak*”**.

(Riwayat Ahmad)

Peri pentingnya akhlak dalam agama dan kehidupan masyarakat juga termaktub dalam dasar-dasar pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Dasar Pendidikan Kebangsaan (2012) pada halaman 36 bilangan 17.3 menggariskan beberapa strategi pelaksanaan pendidikan melibatkan akhlak dan tarbiah Islamiah iaitu “merancang dan melaksanakan program dakwah dan kepimpinan sertapenguatan nilai kepada semua warga sekolah yang beragama islam”. Terkini dalam Malaysia Education Blueprint 2013-2025 di halaman 34 pula termaktub dasar pendidikan yang bertujuan membangunkan rakyat Malaysia yang dipacu oleh elemen nilai seperti berikut:

“Pelajar hari ini akan mewarisi dunia yang penuh dengan cabaran, bermula dari kemerosotan alam sekitar kepada konflik bersenjata yang tidak pernah disaksikan sebelum ini. Kejayaan menangani isu-isu ini bukan sahaja memerlukan pelajar mempunyai kemahiran kepimpinan yang tinggi, tetapi nilai-nilai universal yang kukuh seperti integriti, belas kasihan, keadilan untuk membimbing mereka dalam membuat keputusan beretika.

Penggunaan laman media sosial sebagai medium terkini bagi membaja nilai murni dalam kalangan pelajar perlu diberi perhatian. Jiwa remaja pelajar yang begitu ‘mesra gajet’ perlu ditanam dengan maklumat yang subur dengan tarbiah akhlak islamiyyah. Kerana itulah Zulkiple Abd Ghani (2010) dalam bukunya ***Dakwah Dalam Era Siber Di Malaysia*** mengatakan pendakwah kini perlu bersikap proaktif dengan menjadi pengeluar dan pengusaha Islam untuk mengisi kekosongan yang wujud. Tanpa pendekatan proaktif dan sistematik, dakwah dalam persekitaran siber akan berhadapan dengan persaingan menang kalah dalam merebut persepsi khalayak. Justeru, pendakwah perlu memasuki gelanggang siber yang bersimpang siur dengan mewujudkan kelompok besar yang berfungsi sebagai k-pendakwah dan juga e-pendakwah.

Objektif kajian

Objektif kertas kerja ini adalah untuk melihat peranan media sosial sebagai medium kontemporari dalam usaha menyemai dan membentuk akhlak dalam kalangan pelajar.

Tinjauan Literatur

Penerimaan hebat golongan pelajar terhadap media sosial dilihat mempunyai kemungkinan yang sangat besar dalam mempengaruhi pemikiran dan tindak tanduk mereka. Berdasarkan kajian antarabangsa, kelompok inilah yang sangat teruja dan melekat dengan dunia media sosial. Satu kajian antarabangsa menunjukkan 90% remaja berusia 13 hingga 17 tahun di

Amerika mempunyai halaman mereka dalam rangkaian media sosial (A. Victoria Redeout dan Melissa Saphir, 2012). Begitu juga 49% daripada kanak-kanak dan remaja seawal usia 8-17 tahun sudah menggunakan media sosial untuk berbagai-bagai tujuan (Jason Thom, Niaz Ahmed, 2011). Malaysia pula menduduki carta ketiga paling aktif dari aspek pengguna internet dalam kalangan rantau Asia selepas Filipina dan Indonesia dengan 11.5 juta pengguna rangkaian media sosial (Nor Aslamiah Ali, 2012). Di samping itu, fungsi media sosial yang mesra pengguna, bersifat fleksibel, menjimatkan masa dan kos menjadikan media sosial ini diterima sebagai salah satu medium dakwah Islamiah (Faradillah Iqmar Omar, 2014). Menurut Nik Roskiman Abdul Samad (2013) pula jika dulu Islam disebar melalui pembukaan, pengembaraan para sahabat ke seluruh pelusuk alam dan pelbagai cara lain, maka kini mesej Islam boleh disampaikan melalui hujung jari menerusi medium teknologi ICT. Terdahulu Syed Muhammad Dawilah dan Mohd Lutfi Solehan (2009) berpendapat kehadiran teknologi multimedia adalah anugerah istimewa kepada dunia dakwah. Tugas berdakwah menjadi mudah, cepat dan berkesan. Begitu juga Mohd Azmi Mat Sah (2009) yang melihat kemampuan pendakwah memberikan idea-idea baru untuk mengubah suai cara penyampaian dakwah merupakan satu inovasi dalam bidang pendakwaan.

Golongan remaja terutamanya golongan pelajar pula tidak syak lagi merupakan pengguna tegar laman media sosial dengan motif yang berbagai. Satu kajian yang dijalankan oleh Johari Hasan dan Raja Shahrina Raja Abdul Rashid (2012) terhadap 265 pelajar tingkatan 4 di sekolah menengah di Johor menunjukkan generasi pelajar ini sangat obses terhadap media sosial. Dapatan kajian tersebut menunjukkan separuh pelajar (47.2%) melayari laman rangkaian sosial pada setiap hari. Hasil kajian yang dijalankan oleh Mohd Zaidi Mahmud dan Bahiyah Omar (2013) terhadap 400 orang pelajar universiti pula menunjukkan bahawa terdapat tiga motif utama mereka melayari media sosial Facebook, iaitu merasa hebat berteman, menghiburkan dan mencari maklumat. Oleh kerana itulah para pendakwah hari ini perlu bergabung tenaga mengisi ruang media sosial dengan maklumat keagamaan yang autentik bertujuan membentuk akhlak mulia mereka.

Situasi ini telah membuka ruang kepada bidang pendidikan untuk mengkaji sejauh mana media sosial ini boleh berperanan sebagai instrumen pembentukan akhlak pelajar. Hal ini seiring dengan matlamat agama Islam yang suci iaitu membawa manusia kepada kebaikan, memberi petunjuk dan bimbingan serta menggalakkan perbuatan baik (*amar ma'ruf*) dan mencegah perbuatan keji iaitu nahi mungkar (Zafir Hasan, 2011). Sekiranya media sosial mampu digerakkan menjadi salah satu alat untuk meninggikan akhlak dan memperbaiki tingkahlaku, ini berjaya membuktikan bahawa medium dakwah kita hari ini telah berjalan seiring sejalan dengan peredaran zaman sepertimana firman Allah S.W.T dalam surah al-Nahl:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْلُهُمْ بِأَتْيِ هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik”.

(al-Nahl : 125)

Berdasarkan ayat ini, secara asasnya tugas membawa manusia ke jalan Allah hendaklah menggunakan tiga pendekatan yang telah digariskan oleh al-Quran iaitu dengan cara al-Hikmah, al-Mau'izah al-Hasanah (nasihat dan peringatan yang baik) dan al-Mujaadalah atau perbahasan yang positif dan optimis. Peluang menyalurkan akhlak dan nilai-nilai murni ke dalam masyarakat melalui media sosial di Malaysia dilihat mampu memenuhi konsep al-hikmah atau kebijaksanaan. Konsep media sosial yang interaktif pula membolehkan nasihat dan peringatan disampaikan dalam bentuk yang lebih menarik seperti menggunakan Facebook, blog dan YouTube. Dalam masa yang sama ketiga-tiga rangkaian media sosial ini boleh berperanan sebagai pentas menjana fikrah dan perbahasan ilmiah yang membina.

Statistik yang dikeluarkan oleh Socialbakers, sebuah badan pemantau media sosial, sehingga Januari 2012, menunjukkan media sosial merangkumi bahagian terbesar waktu *online* bagi pengguna Malaysia pada 32.1%, diikuti oleh 11.5% untuk hiburan di internet. 87.9% pengguna internet di Malaysia akan melawat Facebook. 67% daripada video yang ditonton oleh pengguna Malaysia adalah daripada Youtube. Terdahulu, kajian Socialbakers.com (2010) menunjukkan bahawa sebanyak 7.9 akaun baru *facebook* berjaya dibuka dalam setiap saat. Ini turut didedahkan oleh Info IT Semasa (2010) bahawa *facebook* mendahului senarai pertama sebagai laman web rangkaian sosial paling popular di Malaysia (Aini Maznina dan Syed Arabi Idid, 2014)

Ledakan penyebaran maklumat keagamaan dan penyebaran akhlak murni menggunakan hujung jari ini bukan sahaja melanda negara Malaysia malah turut meresapi persada dunia antarabangsa. Kerana itu Lorne L.Dawson And Douglas E.Cowan (2004) melihat dunia siber menyebabkan persekitaran Islam mempunyai potensi untuk memperbaiki aspek persefahaman agama serta mewujudkan arena untuk berdialog antara satu sama lain. Berbanding bentuk tradisional, akses kepada internet telah menjadi satu elemen penting dalam pembiakan pengetahuan tentang Islam. Bagi John W.Anderson (2006) pula dunia siber telah membuka lapangan yang luas dan menjadi jurucakap yang baru untuk agama. Ini bukan sahaja mencabar penyebaran agama berbentuk lama, tetapi lebih memupuk tabiat menyepadukan pengetahuan melalui penggunaan media terutamanya media baru. Gary R.Bunt (2003) menyebut bahawa internet telah merevolusikan pertumbuhan dan penyebaran agama. Revolusi ini telah berupaya menggerakkan agama 'offline' sebelumnya ke arah menjadi agama 'online'. Satu kajian di Malaysia yang dijalankan oleh Shanti Balraj, Ambighapathy, M.Zin Nordin, Sumetha dan Julina Ismail (2010) terhadap 1200 responden terdiri daripada pelajar berusia 14 hingga 16 tahun pula menunjukkan 51.0% responden mula menggunakan telefon mudah alih sejak berusia antara 11-13 tahun dan 45% daripada mereka juga mula menggunakan internet bermula dari usia yang sama.

Kerana itulah kedatangan media sosial ini sekiranya tidak diawasi dengan baik dan berhemah, boleh mengakibatkan berlakunya berbagai kepincangan dalam masyarakat. Sebagai contoh, satu kajian yang telah dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia terhadap 250 responden terdiri daripada pelajar universiti tempatan telah memberikan dapatan yang membimbangkan. Hasil kajian menunjukkan 90% pelajar Melayu lebih gemar menggunakan medium sosial untuk keseronokan berbanding pelajar Cina dan India yang melayari internet untuk tujuan akademik. Kajian itu juga mendapati pelajar Melayu lebih risau jika tidak dapat mengemaskini status di laman sosial berbanding memikirkan kesukaran untuk menyiapkan tugas apabila sambungan internet menghadapi masalah (Berita Harian, 9 Aug 2012).


Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan yang dilakukan terhadap isi kandungan beberapa laman media sosial iaitu facebook, blog dan youtube terpilih. Secara amnya penulis hanya menjalankan analisis konseptual yang membuat kajian terhadap konsep-konsep kandungan teks yang dimuatkan dalam media sosial yang dikaji. Penulis menjalankan kajian analisis kandungan ini secara eksplisist berdasarkan teori Morrison (2007) yang hanya melibatkan penyenaian, perbandingan dan proses memberi contoh. Pemilihan tiga laman media sosial utama iaitu facebook, blog dan youtube adalah kerana kajian yang dilakukan oleh Global Social Media Directory 2014 menunjukkan ketiga-tiga media sosial ini merupakan antara laman media sosial teratas dalam senarai dua puluh media sosial yang popular di dunia hari ini (F.Noonan dan Aw Piatt, 2014). Selain isi kandungan, pemilihan facebook, blog dan youtube yang telah menjadi bahan kajian penulis turut bergantung kepada jumlah pengunjung (visitors) atau sukaan (like) yang tertera di dinding media sosial tersebut. Bagi penulis jumlah pengunjung dan sukaan ini membuktikan media sosial ini telah dilayari ataupun ditelusuri oleh pengguna.

Dapatan Kajian


Penulis telah melakukan satu tinjauan mengenai kewujudan media sosial berunsurkan keagamaan dan nilai murni dengan melihat jumlah pengunjung terhadap facebook dan blog beberapa aktivis agama dan motivator terkemuka tanah air. Bagi melihat perbandingan kecenderungan pengguna masa kini terhadap laman media sosial yang diminati, penulis juga telah menganalisis jumlah pengunjung beberapa laman media sosial artis hiburan dan ahli sukan tersohor negara. Data pengunjung bagi carta 1, 2,3 dan 4 adalah sehingga 8 Okt 2014. Berikut ialah dapatannya:

Carta 1: Jumlah Pengunjung FB Personalia Agama di Malaysia



Carta 1 menunjukkan *laman muka buku (facebook)* dan juga *blog* beberapa personalia dakwah tersohor negara. Angka yang dipaparkan merupakan terjemahan dari status *pelawat (visitors)* dan juga status *“like dan share”*(data pelawat sehingga 24/7/2014). Facebook Ustazah Siti Norbahiyah dan Dr Zaharudin Abdul Rahman mencatatkan pengunjung paling ramai, diikuti oleh facebook Prof Dr Muhaya.

Carta 2: Jumlah Pengunjung FB Artis Terkenal Malaysia




Carta 2 menggambarkan jumlah pelayar yang melakukan “like” dan menjadi “follower” kepada artis-artis tempatan di Malaysia. Pengunjung yang meminati laman muka buku artis Aaron Aziz adalah paling tinggi iaitu 2,890,327. Artis Fahrin Ahmad mencatatkan 1,125,340

576

pelayar yang menyukai beliau, diikuti oleh fb Dato’ Siti Norhaliza 594,181 dan artis Shila Amzah 157,420.


Carta 3: Jumlah Pengunjung FB Ahli Sukan Malaysia



Carta 3 pula menggambarkan jumlah pelayar yang melakukan “like” dan menjadi “follower” kepada ahli sukan tempatan di Malaysia. Pengunjung yang meminati laman muka buku Dato Nicol David adalah paling tinggi iaitu 864,745 pelayar, Dato Lee Chong Wei mencatatkan 686,443 pelayar yang menyukai beliau, diikuti oleh fb ahli bola sepak negara Aidil Zafuan dan Zaquan Adha sebanyak 421,058, perenang negara Pandelega Renong sebanyak 35,728 dan penjaga gol negara Khairul Fahmi Che Mat 77,113.

Seterusnya penulis telah membuat perbandingan jumlah pengunjung bagi ketiga-tiga bidang facebook yang dipaparkan. Berikut ialah cartanya:

Carta 4: Perbandingan Pengunjung FB mengikut bidang



Carta 4 pula menunjukkan perbandingan jumlah pelayar bagi tiga bidang yang telah disenaraikan dalam carta 1, 2 dan 3. Carta ini jelas memaparkan bidang agama dan motivasi yang diusahakan oleh personalia agama dan ahli motivasi tempatan mendapat sambutan sangat memberangsangkan iaitu 3,592,087 pengunjung. Bilangan ini dilihat sangat mengejutkan kerana ia menghampiri bilangan pengunjung facebook laman personaliti bidang hiburan iaitu 4,902,712 pengunjung, dan meninggalkan bidang sukan yang mencatatkan 2,085,087 pelayar. Perbandingan ini jelas membuktikan bahawa media sosial berunsurkan agama dan nasihat mendapat perhatian yang besar dalam kalangan pengguna media sosial di negara kita.


Secara amnya penulis mendapati facebook personalia agama dan ahli motivasi ini menyentuh aspek agama dan nilai-nilai akhlak yang berbagai. Sebagai contoh:

- Facebook Ustazah Siti Norbahyah memaparkan konsep akhlak yang sungguh indah seperti cinta di bangku sekolah, jaga lidah indahkan tutur kata, bersihkan hati, pengorbanan ibu bapa, sahabat yang baik, anak soleh dan solehah, restu ibu bapa kejayaan anak dan kasih sayang keluarga dan banyak lagi.

- Facebook Prof Dr.Muhaya pula membicarakan tentang mendidik hati, cinta al-Quran, tadabbur al-Quran, tranformasi diri, tolong-menolong dalam taqwa dan mencari ketenangan serta lain-lain.
- Facebook Dr Abu Anas Madani memperihalkan aspek-aspek Fiqh al-Islami, Sirah al-Nabawiyah, Hadis, Bimbingan Mukminin dan berbagai-bagai lagi.
- Facebook Dr.Maza boleh memberikan pengunjung maklumat mengenai aliran pemikiran mazhab dalam Islam, pengajian tafsir dan berbagai-bagai pautan yang menghubungkan pengunjung dengan kuliah-kuliah dan forum agama serta ceramah.
- Facebook Dr Zaharudin pula lebih menjurus kepada aspek pengurusan kewangan Islam, Muamalat Islamiyyah, Fiqh Perbandingan dan Halal Haram dalam Islam.

Penulis berpendapat perkembangan dan pertumbuhan media sosial yang mengandungi maklumat keagamaan dan nilai akhlak murni sebegini sangat memberangsangkan. Potensi media sosial untuk dibangunkan sebagai wadah pembentukan akhlak pelajar khususnya dan masyarakat amnya sangatlah besar. Memelihara kemaslahatan anak-anak pelajar ini umpama menjana aqal, jiwa dan agama dengan tanaman ilmu, akhlak dan nilai murni yang suci, segar dan bermanfaat kepada umat pada masa akan datang.

Seterusnya penulis telah membuat tinjauan ke atas laman web dan media sosial JAKIM dan jabatan-jabatan agama islam negeri. Bagi penulis JAKIM berjaya menjadi ibu kepada jabatan-jabatan agama islam negeri di seluruh Malaysia dengan jumlah pelawat lamannya mencecah 6,277,987 pelawat. Facebook JAKIM juga mendapat sambutan hangat dengan jumlah 449,115 sukaan (data sehingga tarikh 12 Januari 2015), mempunyai 134 pengikut 'twitternya' dan 'tweet' sebanyak 755. Laman web JAKIM ini mempunyai perkhidmatan 'online' yang luas seperti kemusykilan agama, transaksi online, halal Malaysia dan sms. Pautan web JAKIM juga sangat interaktif mengandungi e-fatwa, e-falak, JAKIM TV, Darul Quran, Tilawah al Quran, Masjid dan ILIM. JAKIM juga memiliki aplikasi mobile dengan nombor 45580 melalui telefon pintar untuk dipaut kepada 8 modul iaitu direktori halal, info solat, doa harian, kemusykilan agama, fatwa, yasin, khutbah Jumaat dan logo halal Malaysia. JAKIM juga berjaya menjawab 37,886 kemusykilan agama dengan 46,832 pengunjung perkhidmatan ini. Begitu juga sebanyak 66,575 sukaan terhadap e-Fatwa JAKIM.



Rajah 1: Contoh paparan perkhidmatan media sosial dalam laman web JAKIM

Sekaligus penulis meninjau sepintas lalu laman-laman web jabatan agama negeri dan mendapati laman web Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (6,858,229 pengunjung) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Kelantan (3,409,149 pengunjung) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu (1,162,771 pengunjung) adalah antara yang paling aktif dan dilawati ramai pengunjung. Mencontohi JAKIM, Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Kelantan mewujudkan laman sosial facebooknya dengan 5,759 sukaan dan 228 followers di twitternya.


Penulis juga mendapati kebanyakan kandungan dalam laman-laman web jabatan agama islam negeri yang lain memaparkan carta organisasi dan aktiviti jabatan, taqvim tahunan, waktu solat, cara membayar zakat, dan gambar-gambar aktiviti bulanan dan tahunan. Dalam hal berkaitan soal jawab agama dan fatwa hampir semua jabatan agama islam negeri ini membuat pautan kepada laman induk JAKIM. Penulis berpendapat alangkah elok sekiranya jabatan-jabatan ini membuka ruang maklumat feqah, ibadah, akhlak dan muamalat sendiri serta sudut soal jawab agama bagi menjawab persoalan agama yang bermain di benak masyarakat setempat termasuk pelajar. Ini akan menambah sumber maklumat agama orang awam, di samping koleksi hampir 39 ribu kemusykilan agama sedia ada yang telah dijawab oleh JAKIM.

Penulis juga telah cuba menyelongkar sejumlah blog bercirikan info agama Islam dan nilai akhlak dan tarbiyah yang boleh di akses dan agak aktif di ruang internet yang bertemakan dakwah. Sehingga tarikh carian (24 Julai 2014) penulis mendapati terdapat lebih dari 50 buah blog tertera di ruang internet dan boleh diakses oleh orang awam, namun hanya 48 buah blog dakwah sahaja yang boleh dibuka. Penulis membahagikan blog-blog ini kepada beberapa kategori. Pertama kategori blog yang dikendalikan oleh pusat-pusat dakwah negeri dan jabatan-jabatan pengajian islam dan golongan pensyarah universiti tempatan seperti *jpdk.online.blogspot.com* kepunyaan Jabatan Dakwah UKM, *ctu101.blogspot.com* oleh Abd.Aziz b.Harjin UITM, Perlis, *Majalah Dakwah hshukri.blogspot.com* USM Pulau Pinang, *Dakwah Forum blog.um.ac* Universiti Malaya, *www.najahuddin.com* dan *mohdnoor,uitm.edu.my* UITM Shah Alam, *persadapepias.blogspot.um*, dan blog Pusat Dakwah Islam Negeri Kedah.

Kategori kedua ialah blog yang dimiliki oleh aktivis dakwah tanah air seperti *www.saifulislam.com*, *irfanirsyad.wordpress.com*, *zaharudin.net*, *Dakwah Islam Youtube Azhar Idrus*. Kategori ketiga ialah blog dakwah perseorangan yang membentuk majoriti. Sekadar menyebut sebahagian blog tersebut seperti *halaqah.net*, *blog dakwah remaja*, *blog untuk remaja*, *fikrahislamik.blogspot.com*, *serambi dakwah*, *lukisan dakwah islam*, *komik dakwah online*, *akuislam.com*, *dakwahmakandalam*, *fikrah-dakwah-blogspot.com*, *ustazlove.com.blog*, *maalimfitariq.wordpress.com*, *pencari cinta ilahi*, *muafakat Malaysia.com*, *idakwah.com*, *dakwah.info.com*, *ustazyber.com*,

Penulis juga tidak ketinggalan meninjau pengunjung Youtube yang berkonsepkan pendidikan akhlak dan agama yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama. Antara Youtube tersebut ialah Youtube Dr Zakir Naik dan Ustaz Nouman Ali Khan seperti di dalam carta berikut:

Carta 5: Jumlah Pengunjung Youtube Dr Zakir Naik dan Ustaz Nouman Ali



PENUTUP

Walaupun kajian penulis hanya meliputi sebahagian kecil media sosial terpilih, kesimpulannya penulis mendapati media sosial facebook, blog dan youtube mengandungi begitu banyak aspek positif merangkumi aspek keagamaan dan nilai akhlak yang boleh membantu penjiwaan akhlak mahmudah pelajar. Dari aspek kandungan dan bahan, berdasarkan tinjauan penulis terhadap blog-blog tersebut, terdapat begitu banyak fikrah agama, pemikiran dakwah, ibadah, info hadis dan nasihat, sirah dan akhlak secara umum. Realiti ini menunjukkan keupayaan media sosial yang tinggi untuk berperanan sebagai medium terkini dalam usaha membentuk adab dan sahsiah pelajar. Pelajar hanya perlu bijak memilih jenama dan tema media sosial yang sesuai untuk dilayari. Dalam hal ini bimbingan ibu bapa dan para guru sangat diperlukan. Langkah ini sudah pasti akan mengukuhkan lagi usaha memperkasakan akhlak pelajar yang sudah lama berlangsung secara tradisional dan dalam keadaan serba minima. Ini amat bersesuaian dengan kajian Rosmawati Mohd Rasit (2011) yang mencadangkan agar para dai'e menjadikan media baru ini sebagai medium pilihan berkesan untuk mendekati diri terutama dengan sasaran dakwah remaja. Begitu juga dapatan kajian oleh Abdul karim dan Zuhair Yasmin (2013) yang mendapati media sosial membentuk 25.08% maklumat keagamaan yang mempengaruhi akhlak positif masyarakat. Sungguhpun begitu, melihat isu dan realiti kajian jelas menunjukkan kebanyakan laman media sosial berunsurkan keagamaan, bercirikan nilai murni belum diuruskan secara bersepadu. Kebanyakannya diuruskan secara individu dan tokoh-tokoh agama, ikon-ikon rancangan realiti televisyen seperti rancangan Imam Muda, Pencetus Ummah dan Ustaz dan Ustazah pilihan secara berasingan. Begitu juga kebanyakan blog badan-badan dakwah yang beroperasi di sekolah dikendalikan oleh pelajar tanpa bimbingan sepenuhnya oleh guru penasihat. Ruang-ruang inilah yang sepatutnya diisi oleh berbagai pihak dengan menggembelikan tenaga dan kepakaran secara bersama. Ini bertujuan untuk menyebarkan lebih banyak maklumat tentang pembinaan jati diri, ilmu dan taqwa dalam diri pelajar. Ilmu dan akhlaklah yang akan menjadi benteng tamadun umat yang berada di tangan generasi pelajar hari ini. Imam Syafi'ie Rahimahullah dalam syairnya mengatakan:

وَدَاثُ الْفَتَى وَاللَّهِ بِالْعِلْمِ وَالْتَقَى # إِذَا لَمْ يَكُنَّا لَا اِعْتَبَارَ لِدَاثِهِ

“Nilai seorang pemuda itu adalah pada ilmu dan taqwanya, jika kedua-dua itu tiada maka tidak bermakna lagi jiwanya”.

Semoga usaha kecil ini akan membuka ruang lebih luas untuk para pengkaji melihat elemen ‘sihat dan murni’ yang terkandung dalam media sosial hari ini menggunakan pendekatan, sasaran dan metod berbeza. Seterusnya diharapkan usaha ini mampu mencetuskan kolaborasi bersepadu dalam mewujudkan media sosial alternatif yang sihat demi membina akhlak mulia pelajar, di samping membendung kebejatan media sosial ‘berpenyakit’ di luar sana. Ini kerana akhlak merupakan asas kepada pembinaan tamadun manusia, dan tamadun ini akan kukuh jika dibina oleh mereka yang memiliki keindahan akhlak dan pekerti yang luhur.

Rujukan

- Al Quran al Karim Mushaf Malaysia Dan Terjemahan. (2004). Terbitan Majlis Agama Islam Negeri Selangor, Yayasan Restu dan Lembaga Zakat Selangor.
- Aini Maznina A.Manaf dan Syed Arabi Idid. (2014). *Dakwah Melalui Media Baru, Jurnal Jabatan Komunikasi*, Kulliyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, UIA.
- A.Victor Devadoss dan M.Clement Joe Anand. (2013). *Impact Of Social Media On Youth Activism And Nation Building In Pervasive Social Computing Using Neorosophic Cognitive Maps (NCMS)*, International Journal of Computing Algorithm, Volume:02, October 2013, Pages:257-262.
- Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Edisi Ketiga, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Putrajaya.
- Cf Noonan, Aw Piatt. (2014). *Global Social Media Directory-A Resource Guide October 2014*, Pacific Northwestr National Laboratory For U.S Department of Energy, USA.

- Faradillah Iqmar Omar. (2014). *Penerimaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Dalam Kalangan Mahasiswa KUIS*, Jabatan Komunikasi, Fakulti Pengurusan Dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Selangor, Malaysia.
- Gary R. Bunt. (2003). *Islam In The Digital Age E-Jihad, Online Fatwas And Cyber Islamic Environments*, Photo Press London.
- Jason Tham, Niaz Ahmed. (2011). The Usage and Implications of Social Networking Sites: A Survey of College Students, *Journal of Interpersonal, Intercultural and Mass Communication*, Volume 2, Issue 1, 2011.
- Johari Hassan, Raja Shahrina Raja Abdul Rashid. (2012). *Ketagihan Penggunaan Internet Di Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan 4 Di Bandaraya Johor Bahru*, *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, Vol.6, June 2012, Pages 23-43, UTM, Skudai, Johor.
- John W. Anderson. (2006) *Reconfiguring The Public Sphere Of Islam*, *Jurnal Social Research New York* Volum 70 Isu 3.
- Lorne L. Dawson, Douglas E. Cowan. (2004). *Religion Online; Finding Faith On The Internet*, Taylor & Francis Book. Inc, New York.
- Mohd Azmi bin Mat Sah. (2009) *Inovasi Pendakwaan Dalam Memantapkan Pendidikan Dewasa di Malaysia*, Tesis Ijazah Kedoktoran, UPM.
- Muhamad Kamil Abd Majid, Rahimin Abd Rahim. (2009). *Perubahan Sosial Dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun*, *Jurnal Hadhari UKM*.
- Mohd Zaidi Mahmud dan Bahiyah Omar. (2013). *Motif Kekerapan Penggunaan Facebook Dalam Kalangan Pelajar Universiti*, *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, Jilid 29(1) 2013:35-54.
- Morrison G., Ross, S., & Kemp. J. (2007). *Designing Effective Instruction*. Hoboken, NJ; Wiley.
- Nor Aslamiah Ali. (2012.) *Laman Media Sosial: Trend Komunikasi Masa Kini*, *Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi*, *Majalah Dimensi Skop* Jan 2012, *Maktab Koperasi Malaysia*.
- Rosmawati Mohamad Rasit. (2011). *Mediamorphosis melalui laman web social: Dari perspektif sasaran dakwah remaja*, *Jurnal Dakwah Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, FPI, UKM*.
- Shanti Balraj Baboo, N.V Prasad, Ambigapathy Pandian dan Mr. Aaron Rao. (2013). *Young People and new media in Malaysia: An analysis of social uses and practices*, *Journal Of Arts, Science & Commerce E-ISSN 2229-4686*, Vol.-IV, Issue-2 April 2013(50).
- Syed Muhammad Dawilah Al Idrus dan Mohd Lutfi Salehan. (2009). *Peranan ICT Dalam Penyebaran Dakwah Dalam Era Globalisasi*, *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Dakwah Islamiah Di IPT Dan Komuniti (2-3 Disember 2009) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*
- Victoria Rideot dan Melissa Saphir. (2012). *Social Media Social Life: How Teens View Their Digital Lives*, *Journal Common Sense Media Research, USA*, Summer 2012.
- Zafir bin Hasan Ali Hasan. (2011) *al-Dakwah bi al-Kitabah*, *Maktabah Soid al-Fawaid*, Arab Saudi.
- Zulkiple Abd Ghani. (2010). *Dakwah dalam Era Siber*, Penerbitan USIM.
- Berita Harian 9 Ogos 2012 bertajuk "Siswa Ketagih Laman Sosial".
 Harian Metro 15 September 2014. *Halaman 24: Ruang Minda Oleh Muhd Izawan Baharin*.
 Surat khabar Kosmo bertarikh 19 Ogos 2010.